

Persepsi Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Terhadap Ajaran Sesat Di Malaysia

Farahwahida Mohd. Yusof & Taupik Lubis Bin H. Ahpas

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Perkembangan Ajaran Sesat bukan sahaja mendapat tempat dalam kalangan masyarakat awam tetapi telah menular kepada golongan cerdik pandai dan IPT. Melihat kepada fenomena ini, pengkaji melakukan kajian terhadap pelajar-pelajar SPI, UTM, Skudai untuk melihat persepsi mereka terhadap permasalahan ini. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar tahun 3 dan 4 SPI, UTM, Skudai. Ia dilaksanakan bertujuan bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap ajaran sesat dan mengetahui tahap pengetahuan pelajar tentang ajaran sesat. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti usaha yang sepatutnya dilakukan oleh pelajar bagi membendung perkembangan ajaran sesat di Malaysia. Seramai 81 orang pelajar tahun 3 dan 4 SPI, UTM, Skudai terlibat dalam kajian ini. Pengkaji telah menggunakan soal selidik yang mengandungi 41 item soalan sebagai instrument kajian, manakala data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian “*Statistical Packages For Social Sciences*” (SPSS) 14.0 for windows bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min data. Nilai kebolehpercayaan alat kajian adalah $\alpha = 0.93$. Analisis statistik deskriptif telah digunakan dalam tatacara menganalisis data. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar SPI, UTM, Skudai terhadap ajaran sesat berada pada tahap tinggi iaitu pada nilai min 3.89. Ini bermakna pelajar memiliki persepsi yang negatif terhadap ajaran sesat, mereka juga memiliki tahap pengetahuan yang baik tentang ajaran sesat. Di samping itu, pelajar juga mengetahui bentuk-bentuk usaha yang perlu mereka lakukan bagi membendung penyebaran ajaran sesat di Malaysia.

Katakunci : persepsi pelajar, ajaran sesat

Pengenalan

Sejarah kewujudan manusia di dunia ini, bermula setelah Allah S.W.T memerintahkan Nabi Adam a.s dan isterinya, Hawa untuk meninggalkan syurga dan turun ke bumi. Peristiwa tersebut diceritakan dalam al-Quran dengan jelas, lantaran kesilapan yang dilakukan Adam a.s dan isterinya yang mengundang kemurkaan Allah S.W.T. Kesilapan ini berpunca daripada hasutan Iblis yang berjaya menggoda Adam a.s bahkan Iblis dan sekutunya telah berjanji kepada Allah untuk menyesatkan anak cucu Adam a.s sehingga hari kiamat. Firman Allah S.W.T:

قَالَ رَبِّ بِمَا أَغْوَيْتَنِي لَأُزَيِّنَنَّ لَهُمْ فِي الْأَرْضِ وَلَأُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمْ

الْمُخْلِصِينَ

Maksudnya:

Iblis berkata: "Wahai Tuhanku ! Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan Aku akan menyesatkan mereka semuanya. Kecuali di antara zuriat-zuriat Adam itu hamba-hamba-Mu yang dibersihkan dari sebarang syirik".

(Surah al-Hijr; 15: 39-40)

Islam merupakan 'al-Din' yang merangkumi setiap aspek kehidupan manusia. Keseluruhan intipati ajaran yang disyariatkan oleh Allah S.W.T kepada hamba-Nya sudah semestinya bertepatan dan selari dengan fitrah semulajadi kejadian mereka. Ternyata naluri manusia sentiasa cenderung kepada hawa nafsu, khususnya kepada perkara yang berkaitan dengan harta, pangkat dan wanita, yang sekiranya tidak dikawal maka membawa kepada kesesatan. Atas dorongan hawa nafsu ini juga lahirnya banyak ajaran sesat dalam sejarah umat Islam.

Islam dan sejarah kehadirannya sebagai suatu ajaran yang memberikan konsep kebenaran kepada manusia, bukan sahaja memberikan petunjuk dan bimbingan, tetapi juga perlaksanaannya yang disertai norma, matra dan skala. Dengan demikian setiap manusia memiliki panduan sejauh mana ia telah berhasil mengawal dirinya sebagai "manusia yang seutuhnya". Namun pada umumnya manusia lupa asal kejadiannya sebagai hamba Allah S.W.T mereka menerima Islam tersebut dalam berbagai kemampuan, persepsi dan interpretasi yang berbeza yang kemudian menimbulkan berbagai aliran dan pandangan, sehingga membentuk beberapa kumpulan atau puak (KH. Badrudin Hsubky, 1993: 23).

Timbulnya ajaran dan amalan sesat di dalam masyarakat Islam di Malaysia bukanlah satu perkara baru. Adakalanya ia sukar dikenal pasti kerana bercampur aduk di antara yang benar dan yang salah. Bahkan adalah amat sukar sekiranya sebahagian masyarakat membenarkan sesuatu ajaran sesat dan sebahagian yang lain menolaknya.

Masyarakat Islam di negara ini merupakan masyarakat yang terbuka dan penuh dengan sikap toleransi. Justeru pengaruh luar begitu mudah diterima dan mempengaruhi keadaan sekitar masyarakat Islam. Guru-guru yang menganjurkan sesuatu ilmu atau amalan salah ini selain daripada anak tempatan juga terdiri daripada yang datang dari luar negeri. Mereka menggelarkan diri mereka sebagai tokoh-tokoh agama serta mempunyai ciri-ciri personaliti yang agak berbeza dengan orang awam, sama ada dari segi rupa paras, bentuk pakaian dan tingkah laku (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2007: 140).

Pengaruh ajaran sesat terasa begitu kuat menular di dalam masyarakat sehingga mewujudkan gejala-gejala yang boleh merosakkan akidah dan akhlak generasi yang akan datang. Gejala ini umpama virus yang merbahaya yang boleh menghancurkan generasi bakal pemimpin negara di masa hadapan.

Pernyataan Masalah

Kewujudan dan perkembangan ajaran sesat dalam pelbagai bentuk dan cara mengundang pelbagai kesan yang amat jelas terhadap masyarakat terutamanya golongan awam. Jika dilihat berdasarkan kes-kes yang berlaku, terdapat keanekaragaman latar belakang dan peringkat umur mereka yang terlibat atau menjadi mangsa kepada ajaran sesat. Dengan kemunculan ajaran sesat yang sentiasa wujud dan berkembang serta peningkatan bilangan mangsa yang terdiri daripada golongan Mahasiswa, perkara seumpama ini tentunya boleh memberi impak yang kuat kepada kestabilan akidah, akhlak dan keselamatan masyarakat yang akan membawa kepada kehancuran generasi mendatang.

Beberapa remaja yang dipercayai pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan turut terjebak dengan ajaran sesat Ayah Pin. Pelajar-pelajar itu dikatakan sering ke Kampung Batu 13, Hulu Besut yang menjadi markas ajaran itu pada setiap hujung minggu atau cuti semester dengan alasan mendalami ilmu agama. Hal ini didedahkan oleh seorang penduduk Kampung Bukit Payung, Mazlan Awang Ngah kepada Wartawan BACARIA dalam satu pertemuan di sini (Bacaria, Rabu 13/7/2005).

Mahkamah Syariah Balik Pulau menetapkan 21 Februari 2008 untuk sebutan semula kes 45 orang dipercayai pengikut pertubuhan Al-Arqam yang diharamkan kerajaan termasuk isteri Ashaari Muhamad dan seorang pensyarah kanan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Walaupun hari itu ditetapkan untuk pertuduhan dibaca terhadap semua tertuduh serta pengakuan mereka direkod, Hakim Syarie Mohd. Ridzwan Ghazali menanggukkan sekali lagi prosiding itu (Utusan Malaysia, 07/12/2007).

Kejahilan, meringan-ringankan urusan agama, budaya hedonisme, populariti, kekayaan serta mengejar kedudukan di dalam masyarakat awam mahupun masyarakat kampus menyebabkan ramai yang terjerat untuk menyertai sesuatu ajaran baru. Ini mengakibatkan berlakunya kekacauan dalam ikatan sosial masyarakat Islam, pudarnya keyakinan terhadap kebenaran Islam, meningkatnya perbuatan jenayah, permusuhan dan perpecahan. Melihat kepada permasalahan ini, pengkaji merasakan perlu dibuat kajian untuk melihat persepsi dan keprihatian pelajar terhadap ajaran sesat.

Objektif Kajian

Objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap ajaran sesat.
- ii. Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap ajaran sesat di Malaysia.
- iii. Untuk mengetahui usaha yang sepatutnya dilakukan oleh pelajar dalam membendung perkembangan ajaran sesat di Malaysia.

Kepentingan Kajian

Pengkaji sangat berharap agar kajian yang dilakukan ini dapat membantu umat Islam amnya dan pelajar khususnya agar tidak mudah terjerumus ke dalam ajaran sesat. Melalui kajian yang dijalankan ini, pelajar dapat didedahkan dengan ajaran sesat dan jenis-jenisnya yang pelbagai bentuk agar mereka dapat menghindarinya dan menyeru masyarakat supaya tidak mudah terpengaruh oleh tipu helah kumpulan ajaran sesat. Kajian ini juga boleh dijadikan panduan bagi Fakulti Pendidikan dan juga bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Teknologi Malaysia untuk mendedahkan pelajar yang kurang berpengetahuan tentang ajaran sesat dan bahayanya terhadap pelajar dan masyarakat.

Selain itu, kajian ini juga penting bagi pihak universiti dalam menilai tahap pengetahuan pelajar tentang ajaran sesat yang seterusnya dapat dijadikan pertimbangan dalam penyusunan syllabus pelajaran yang berkaitan dengan ilmu akidah dan akhlak. Demikian juga halnya bagi pihak yang berwajib dalam membanteras ajaran sesat, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang nyata mengenai tahap pengetahuan pelajar universiti tentang ajaran sesat dan seterusnya dapat dijadikan panduan dalam memperkasakan lagi metode yang digunakan dalam mencegah perkembangan ajaran sesat di dalam masyarakat Islam Malaysia.

Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif, iaitu satu tinjauan yang menggunakan borang kaji selidik. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 2004: 96). Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai persepsi dan keprihatinan pelajar terhadap ajaran sesat. Maklumat yang diperolehi merupakan jawapan kepada masalah yang dinyatakan dalam kajian ini.

Soal selidik yang digunakan sesuai dan lebih praktikal untuk mendapat maklumat secara terperinci. Melalui kaedah ini, data yang dikumpul dapat membantu pengkaji untuk mencapai objektif kajian.

Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini membolehkan penyelidik menggunakan populasi sasaran dalam mengumpul maklumat. Populasi sasaran merupakan populasi yang mengandungi masalah yang perlu dikaji (*Ibid*: 78). Populasi sasaran bagi kajian ini ialah pelajar tahun 3 dan 4 program Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) seramai 81 orang. Sampel diambil dari keseluruhan populasi. Penggunaan keseluruhan populasi adalah bagi memastikan tidak ada ralat pensampelan.

Rasional pemilihan pelajar tahun 3 dan 4 Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai sebagai sampel kajian adalah kerana mereka telah terlibat dengan latihan mengajar, tambahan lagi mereka merupakan pelajar yang tentunya memiliki pengetahuan dan pengalaman yang lebih mendalam dalam masalah agama berdasarkan mata kuliah yang telah diambil. Di samping itu, mereka juga merupakan golongan pelajar yang akan berkhidmat dengan masyarakat untuk berdakwah selepas menamatkan pengajian. Sebagai bakal ustaz dan ustazah, mereka mempunyai tanggungjawab besar dalam membendung penyebaran ajaran sesat dalam masyarakat. Faktor ini telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ke atas pelajar tahun 3 dan 4 Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Instrumen kajian

Instrumen kajian merupakan alat penting untuk memperolehi maklumat bagi mencapai objektif kajian. Instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidik (Mohd. Najib, 1999: 40).

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan set borang soal selidik untuk memperolehi data daripada responden. Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan bagi mendapatkan maklumat berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan untuk digunakan untuk populasi yang besar (Mohd. Majid, 2004: 202). Oleh itu, melalui kaedah ini pengkaji dapat menerima maklum balas terhadap aspek yang dikaji terus daripada responden. Di samping itu, ia dapat menjimatkan masa dan kos.

Oleh kerana instrumen kajian yang digunakan berbentuk soal selidik, pengkaji telah membina set soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu juga kajian rintis digunakan untuk mengkaji masalah yang akan timbul sewaktu proses soal selidik berjalan.

Oleh itu, kajian rintis dijalankan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian, terutamanya dalam penggunaan istilah dan struktur ayat. Selain itu, untuk mengetahui sejauh mana responden memahami setiap pernyataan dan soalan yang digunakan.

Responden bagi kajian rintis ini dipilih secara rawak mudah. Mereka terdiri daripada 10 orang pelajar tahun 2 daripada kursus Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam).

Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian adalah $\alpha = 0.930$. Menurut Mohd Najib Abdul Ghaffar (2003:122), nilai 0.8 didapati memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat. Sekiranya nilai adalah lebih rendah daripada 0.8, pengkaji perlu mengubah item dan seterusnya melaksanakan kajian rintis sekali lagi.

Analisis Data

Jadual 4.47: Rumusan min dapatan kajian mengenai persepsi pelajar SPI Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, terhadap pengikut ajaran sesat.

Bil.	Item	Setuju		Kurang Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	K	%	
1.	Pengikut ajaran sesat ialah mereka yang cenderung kepada hawa nafsu.	75	92.6	5	6.2	1	1.2	3.91
2.	Mereka yang terlibat dengan ajaran sesat ialah orang yang tidak berpengetahuan agama dan tidak berusaha mempelajarinya.	61	75.3	14	17.3	6	7.4	3.67
3.	Mereka yang terlibat dengan ajaran sesat ialah mereka yang berpengalaman dalam bidang agama dan menyelewengkannya untuk kepentingan peribadi.	70	86.4	9	11.1	2	2.5	3.83
4.	Kebanyakan pengikut ajaran sesat cenderung mentaati perintah ketua mereka berbanding mentaati perintah ke dua ibubapanya.	80	98.8	1	1.2	-	-	3.98
5.	Pengikut ajaran sesat selalunya akan membatasi diri mereka daripada bergaul dengan masyarakat di persekitaran mereka.	66	81.5	14	17.3	1	1.2	3.80
Purata Min Keseluruhan								3.83

K=Kekerapan

Berdasarkan jadual 1 di atas, terdapat 5 item yang telah digunakan untuk mengetahui persepsi pelajar tahun 3 dan 4 SPI, UTM, Skudai terhadap pengikut ajaran sesat. Didapati kebanyakan responden memiliki persepsi yang negative terhadap pengikut ajaran sesat berdasarkan kepada nilai min keseluruhan bagi tema pertama dalam objektif yang pertama adalah 3.83. Nilai min keseluruhan ini menunjukkan min berada pada tahap tinggi.

Nilai min tertinggi adalah 3.98 pada item 4. Kajian mendapati 98.8% responden bersetuju bahawa kebanyakan pengikut ajaran sesat cenderung mentaati perintah ketua mereka berbanding

mentaati perintah kedua ibubapanya. Sementara yang kurang bersetuju hanya 1 orang iaitu sebanyak 1.2% sahaja.

Nilai min bagi item 1, 3, dan 5 berada pada tahap positif iaitu 3.91, 3.83 dan 3.80. Manakala item 2 mempunyai nilai min terendah iaitu 3.67. Sebanyak 75.3% iaitu seramai 61 orang bersetuju mengatakan mereka yang terlibat dengan ajaran sesat ialah orang yang tidak berpengetahuan agama dan tidak berusaha mempelajarinya. Manakala responden yang tidak bersetuju sebanyak 7.4% iaitu seramai 6 orang. Manakala responden yang kurang setuju seramai 14 orang (17.3%). Tahap Nilai Min bagi item 2 berada pada tahap sederhana atau neutral.

Jadual 2 : Rumusan min dapatan kajian mengenai persepsi pelajar SPI Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, terhadap punca lahirnya ajaran sesat di Malaysia.

Bil.	Item	Setuju		Kurang Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	K	%	
6.	Ajaran sesat kebanyakannya berpunca daripada kepercayaan dan amalan tradisi yang berhubung dengan amalan mistik.	77	95.1	3	3.7	1	1.2	3.93
7.	Mereka yang menolak sunnah adalah termasuk ke dalam golongan sesat.	71	87.7	9	11.1	1	1.2	3.86
8.	Penekanan sistem pendidikan kebangsaan yang meletakkan pendidikan ilmu agama dalam kelas kedua antara faktor yang mempengaruhi perkembangan ajaran sesat.	71	87.7	7	8.6	3	3.7	3.83
9.	Ajaran sesat lahir daripada percampuran (sinkretisme) antara adat, budaya dengan agama.	77	95.1	3	3.7	1	1.2	3.93
10.	Keterlibatan masyarakat dalam ajaran sesat disebabkan oleh kejahilan tentang agama dan kurangnya usaha dalam membanteras dan memantau kegiatan ajaran sesat.	80	98.8	1	1.2	-	-	3.98
Purata Min Keseluruhan								3.91

K=Kekerapan

Jadual 2 di atas menunjukkan 5 item yang digunakan untuk mengetahui tema kedua objektif pertama iaitu berkaitan persepsi pelajar terhadap punca lahirnya ajaran sesat di Malaysia. Purata min keseluruhan bagi item-item ini ialah 3.91. Ini menunjukkan bahawa persepsi minat pelajar tahun 3 dan 4 SPI, UTM, Skudai adalah berada pada tahap tinggi/positif.

Nilai min tertinggi ialah bagi item 10 iaitu 3.98 berada pada tahap tinggi. Seramai 80 orang responden (98.8%) bersetuju mengatakan keterlibatan masyarakat dalam ajaran sesat

disebabkan oleh kejahilan tentang agama dan kurangnya usaha dalam membanteras dan memantau kegiatan ajaran sesat. Hanya 1 orang (1.2%) kurang setuju dengan item ini.

Selain itu min bagi item lain mengikut ketinggian adalah 3.93 bagi item 6 dan 9, 3.86 bagi item 7. Nilai min terendah adalah pada item 10 dengan nilai min 3.83 namun tatap berada pada tahap tinggi. Seramai 71 orang responden (87.7%) bersetuju dengan item 10. Manakala jumlah responden yang tidak bersetuju hanya 3 orang (3.7%) dan kurang setuju seramai 7 orang (8.6%). Purata keseluruhan min berada pada tahap tinggi/positif iaitu 3.91.

Jadual 3: Rumusan min dapatan kajian mengenai persepsi pelajar SPI Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, terhadap ajaran sesat di Malaysia

Bil.	Item	Setuju		Kurang Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	K	%	
11.	Ajaran sesat menyebabkan hati para pengikutnya tertutup untuk menerima kebenaran hakiki.	79	97.5	1	1.2	1	1.2	3.96
12.	Menyertai ajaran sesat hukumnya sama dengan murtad.	76	93.8	5	6.2	-	-	3.93
13.	Kumpulan ajaran sesat adalah wajib dibanteras atau diperangi hingga mereka bertaubat.	81	100	-	-	-	-	4.00
14.	Campur tangan ahli politik dan keterlibatan mereka yang berpengaruh menjadi halangan kepada pembanteras sesuatu ajaran yang telah nyata kesesatannya.	75	92.6	4	4.9	2	2.5	3.90
15.	Orientalis dan sekularis turut serta dalam mengembangkan ajaran sesat.	76	93.8	4	4.9	1	1.2	3.92
Purata Min Keseluruhan								3.94

K–Kekerapan

Jadual 3 menunjukkan item item 11 hingga 15 berkaitan persepsi pelajar terhadap ajaran sesat di Malaysia. Purata min keseluruhan bagi item ini adalah 3.94 iaitu berada pada tahap tinggi. Nilai tertinggi adalah bagi item 13 dengan min 4.00. seluruh responden (100%) bersetuju bahawa kumpulan ajaran sesat adalah wajib dibanteras atau diperangi hingga mereka bertaubat.

Nilai min mengikut tahap nilai tertinggi ialah 3.96, 3.93 dan 3.92 bagi item 11, 12 dan 15. Nilai min yang terendah ialah 3.90 bagi item 14. Walau bagaimana pun min bagi item ini tetap berada pada tahap tinggi. Seramai 75 orang responden (92.6%) bersetuju, 4 orang (4.9%) kurang setuju dan 2 orang (2.5%) tidak setuju dengan item ini.

Perbincangan

Sebanyak 15 item telah dibina bagi mengkaji persoalan kajian yang pertama ini. Pengkaji telah membahagikan item-item soal selidik kepada tiga tema bagi mengkaji persepsi pelajar terhadap ajaran sesat yang berkaitan dengan persepsi terhadap pengikut ajaran sesat, punca

lahirnya ajaran sesat dan pendirian pelajar terhadap ajaran sesat di Malaysia beserta penganutnya.

Bagi item 1 hingga item 5 berkaitan dengan persepsi terhadap pengikut ajaran sesat di Malaysia. Analisis dapatan kajian bagi tema persoalan kajian ini menunjukkan purata min keseluruhan yang tinggi iaitu 3.83. Ini menunjukkan responden positif terhadap tema persoalan kajian ini dan mengetahui ciri-ciri pengikut suatu ajaran sesat.

Nilai min bagi item 2 adalah berada pada tahap sederhana iaitu 3.67, dimana item ini menyatakan “mereka yang terlibat dengan ajaran sesat ialah orang yang tidak berpengetahuan agama dan tidak berusaha mempelajarinya”. Namun demikian majoriti responden seramai 61 orang (75.3%) bersetuju dengan pernyataan item ini. Kebanyakan pengikut yang terlibat dengan ajaran sesat dan ilmu kebatinan ini adalah terdiri dari golongan yang tidak mempunyai asas yang kuat di dalam aspek akidah Islam, di samping tidak mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam mengenai ajaran Islam yang sebenarnya (Haji Ibrahim Haji Mohamad, 2005: 38).

Namun begitu, terdapat juga sebanyak 13% responden kurang setuju dan bahkan tidak setuju dengan persepsi tersebut. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pengetahuan dan pengalaman pelajar tentang realiti perkembangan ajaran sesat di Malaysia. Walaupun demikian responden yang bersetuju adalah lebih ramai dan nilai min bagi item 3 ini tetap berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.83.

Pada Item 5 pula, “Pengikut ajaran sesat selalunya akan membatasi diri mereka daripada bergaul dengan masyarakat di persekitaran mereka” didapati sebanyak 18.5% responden kurang bersetuju dan tidak bersetuju dengan persepsi tersebut. Hal ini mungkin disebabkan wujudnya segelintir kumpulan ajaran sesat yang cuba menutupi kegiatan sesatnya dengan sikap manis terhadap masyarakat di persekitaran mereka dengan tujuan untuk meraih simpati, seperti pada kes kumpulan al-Arqam pada satu ketika dahulu. Meskipun demikian nilai min pada item ini berada pada tahap tinggi iaitu 3.80.

Hanya 1 orang responden (1.2%) sahaja yang kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Pada pendapat pengkaji, daripada dapatan kajian bagi item ini menjelaskan bahawa majoriti responden memahami kedudukan da'i dan kepentingan dakwah Islamiyah dalam usaha mencegah masyarakat Malaysia khasnya mereka yang jahil tentang agama daripada terjerumus ke dalam ajaran sesat. Di samping itu mereka juga bersepakat bahawa pemantauan dan pembanterasannya ajaran sesat mesti dipertingkatkan lagi agar perkembangan ajaran sesat dapat ditekan. Ini kerana jumlah responden yang bersetuju dengan item ini adalah hampir mendekati 100 peratus.

Bagi item 11, seramai 79 orang (97.5%) responden mengatakan ajaran sesat menyebabkan hati para pengikutnya tertutup untuk menerima kebenaran hakiki. Ini disebabkan pendekatan psikologi secara halus sering digunakan oleh kumpulan ajaran sesat untuk meluaskan lagi pengaruhnya dalam masyarakat. Gambarangambaran susahnya mencapai kesempurnaan dalam beragama seperti taubat, beriman, syahadat sering kali dijadikan isu oleh mereka. Sehingga pada akhirnya menyifatkan diri mereka sebagai penyelamat manusia, pemimpin yang agung dan biasanya berhujung kepada pengakuan sebagai seorang nabi atau rasul. Anggota masyarakat yang sedang mengalami masalah sosial kerap kali menjadi mangsanya (Farahwahida Mohd. Yusof, 2007: 89).

Oleh itu, purata min keseluruhan bagi analisis kajian bagi tema ini ialah 3.94. Nilai min ini menunjukkan pendirian pelajar tahun 3 dan 4 SPI, UTM, Skudai terhadap ajaran sesat di Malaysia beserta penganutnya berada pada tahap yang positif/baik.

Sebagai kesimpulannya, hasil analisis dapatan kajian bagi persoalan kajian yang pertama menunjukkan bahawa persepsi pelajar 3 dan 4 SPI, Universiti Teknologi Malaysia, skudai terhadap ajaran sesat di Malaysia berada pada tahap positif. Manakala pendirian mereka terhadap ajaran sesat di Malaysia beserta penganutnya berada pada tahap yang positif/baik juga.

Rujukan

- Abdulfatah Haron Ibrahim (1997). *Kebatinan Menghapus Syariat*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Arbaki Othman (2005). *Kamus Konprehensif Bahasa Melayu*. Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Bahagian Hal Ehwal Islam (1988). *Penjelasan Terhadap Beberapa Penyelewengan Dalam Amalan Tariqat*. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2002). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007). *Ajaran Sesat Mengenali Jalan Yang Terpesong*. Selangor : PTS Publications & Distributors sdn. Bhd.
- Farahwahida Mohd. Yusof (2007). *Aliran Kepercayaan Sejarah Dan Perkembangannya Di Malaysia*. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mahayudin Hj. Yahya, Ahmad Jaelani Halimi (1993). *Sejarah Islam*. Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wan Mohd. Azam Mohd. Amin (2001). *Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur : Penerbit UIAM
- Zabidi Mohamed (1998). *Tersungkur Di Pintu 'syurga'*. Kuala Lumpur : Zabidi Publication
- Engku Zaki Engku Alwi (2006). Penyelidikan yang bertajuk *Ajaran Sesat Di Negeri Terengganu : Kajian Terhadap Faktor Penyebaran Dan Langkah Mengatasinya*. Universiti Malaya : Projek Doktor Falsafah
- Ruzita Binti Mat Jamal (2007). Penyelidikan yang bertajuk *Persepsi Masyarakat tentang Ajaran Sesat : Satu Kajian Di Seksyen 19 Barat, Shah Alam, Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda